

Prinsip Tauhid Ideasional Dalam Hubungan Islam dan Agama-agama Lain: Analisis Peranannya Menurut Isma'il Raji Al-Faruqi¹

Ahmad Sabri bin Osman¹, Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif² dan Raihaniah binti Zakaria³

¹ Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM (Perlis), 02600 Arau, Perlis. Tel: 019-3757063 Email: sabrihan2004@yahoo.com

² Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang. Tel: 013-4840426 Email: faridusm@usm.my

³ Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kampus Perlis, 01000 Kangar, Perlis. Tel: 019-3135079 Email: raihaniah@yahoo.com

Abstrak

Kertas ini merupakan suatu sorotan dan analisis terhadap tulisan al-Faruqi yang bertajuk "The Role of Islam in Global Inter-Religious Dependence" di dalam buku beliau Islam and Other Faiths yang disunting oleh Ataullah Siddiqui. Al-Faruqi membahagikan peranan Islam kepada tiga bahagian: pertama, hubungan yang boleh difahami (The Ideational Relation), kedua, hubungan praktikal (The Practical Relation) dan ketiga, bahagian kesimpulan iaitu sumbangan Islam terhadap kesalingbergantungan antara agama global (Islam's Contribution to Global Religious Interdependence). Al-Faruqi cuba menerapkan salah satu daripada prinsip tauhidnya iaitu 'Tauhid Ideasional' bagi mengharmonikan perhubungan antara Islam dan agama-agama lain. Kajian ini cuba membincangkan prinsip tauhid ideasional al-Faruqi dan peranannya dalam hubungan Islam dengan agama-agama lain.

Kata kunci: Prinsip Tauhid Ideasional, Islam, Agama-agama Lain, al-Faruqi.

Abstract

This article attempts to analyse the al-Faruqi's writing entitled "The Role of Islam in Global Inter-Religious Dependence". It was published in the book of Islam and Other Faiths that was edited by Ataullah Siddiqui. In this article, al-Faruqi divided the role of Islam in global inter-religious dependence into two parts; firstly, the relation that could be understood (The Ideational Relation) and secondly, the relation that was shown by practical in Islamic history and civilization (The Practical Relation). Then, al-Faruqi made a conclusion that both of the part clearly shown that Islam's theory of other faiths provided us with the best foundation for inter-religious dialogue. The Ideational Relation and the Practical Relation that was discussed by al-Faruqi above are closely related to his understanding of the principle of tawhid. He named it as the Ideational Tawhid. This article will discuss the principle of this tawhid that consist of the Islamic theory towards other religions such as the concept of Meta-religion, din al-fitrah and the phenomenon of prophecy. While in the practical relation, this article will discuss the relation of Islam with other religions such as Jews, Christian and others.

Key words: Principle of Ideational Tawhid, Islam, Other Faiths, al-Faruqi.

¹ Kertas ini telah dibentangkan di *The 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW2010)* pada 21-22 September 2010 bertempat di Dewan Persidangan Universiti, Universiti Sains Malaysia, P. Pinang. Beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan telah dilakukan ke atas artikel ini bagi tujuan penerbitan.

1. Pendahuluan

Isma'il Raji al-Faruqi (1921-1986) atau lebih dikenali sebagai al-Faruqi sahaja ketika hayatnya merupakan seorang tokoh pemikir dan reformis Muslim yang unggul dan terkenal di Dunia Islam dan Barat.² Pengetahuan al-Faruqi tentang Barat khususnya Kristian dan ilmu-ilmu Islam bersifat ensiklopedik. Beliau telah menghasilkan ratusan karya dan pemergiannya telah meninggalkan warisan pemikiran yang sangat bernilai untuk dikaji. Karya-karya beliau walaupun banyak tetapi dilihat bertaburan di pelbagai majalah dan jurnal (Abdul Halim Ramli, 2002). Walau bagaimanapun, al-Faruqi telah mengumpulkan

sebahagian besar karya-karya beliau ke dalam dua buah buku bagi menjadikan ia lebih sistematik iaitu *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life* (selepas ini dirujuk sebagai *al-Tawhid*) dan *The Cultural Atlas of Islam* (karya yang ditulis bersama isterinya Lois Lamya'). Melalui kedua-dua buku ini dapat dilihat secara jelas pemikiran Islam al-Faruqi terutamanya mengenai konsep keesaan Tuhan (tauhid) yang terkandung di dalam kalimah *La ilaha illa Allah*. Konsep tauhid ini menjadi teras dan '*starting point*' di dalam pemikiran Islam al-Faruqi. Beliau melihat konsep tersebut merupakan prinsip pertama Islam dan segala sesuatu yang berkait dengannya (al-Faruqi, 1990).

² Al-'Ulwani, Taha Jabir (1994). "Foreword" dlm Shafiq, Muhammad, *Growth of Islamic Thought in North America: Focus on Ismail Raji al-Faruqi*. Maryland: Amana Publications, h. ix. Al-'Alwani merupakan mantan Presiden, International Institute of Islamic Thought (IIIT), Herndon, Virginia, Amerika Syarikat. Al-Faruqi dikagumi rakan Muslim dan non-Muslim serta digeruni lawan. Menurut Fazlur Rahman (1919-1988), rakan-rakan al-Faruqi di Fakulti Teologi, Universiti Chicago menggelarkan beliau sebagai "*guerilla scholar*" manakala Fazlur Rahman sendiri menggambarkan beliau sebagai "Jamal al-Din al-Afghani" pada zamannya. Lihat Rahman, Fazlur (1986). "Palestine and My Experiences with the Young al-Faruqi" dlm *Islamic Horizons*. August-September. Indianapolis: The Islamic Society of North America (ISNA), h. 40-42. Manakala Stanley Brice Frost (1938-), mantan Dekan, Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti McGill pula memuji al-Faruqi sebagai seorang yang berpegang teguh dengan prinsip, pemurah dan suka menasihati rakannya ke arah kebaikan. Beliau mengiktiraf al-Faruqi sebagai manusia dua dunia, Barat dan Timur. S.B. Frost, "Foreword" dlm al-Faruqi, Ismail R. (1968). *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: McGill University Press and Amsterdam: Djambatan, h. v-vi. Beliau seorang yang genius dan prolific dalam menghasilkan karya-karya di sepanjang kehidupan profesionalnya hampir 30 tahun. Beliau telah mengarang, menyunting atau menterjemahkan 25 buah buku, menerbitkan lebih daripada 100 artikel yang merangkumi pelbagai bidang terutamanya ilmu perbandingan agama, dialog antara agama, agama non-Muslim, tauhid, sejarah, seni, kebudayaan, politik, ekonomi dan sebagainya. Lihat John L. Esposito (1986). "Teaching Islam The Old Fashioned Way-Living It" dlm *Islamic Horizons*. August-September. Indianapolis: ISNA, h. 26.

2. Pengertian Tauhid Menurut al-Faruqi

Al-Faruqi menyatakan bahawa maksud tauhid ialah tiada Tuhan melainkan Allah (*La ilaha illa Allah*) (al-Faruqi, 1992). Kalimah yang cukup ringkas ini sentiasa diulang-ulang di dalam buku beliau terutamanya kalimah *al-Tawhid* bagi menggambarkan betapa pentingnya kalimah ini kepada umat Islam. Ia mengandungi makna yang amat mendalam bagi al-Faruqi khususnya dan umat Islam amnya.

Tidak dinafikan lagi bahawa tauhid memainkan peranan yang amat penting dalam pemikiran dan kehidupan manusia menurut pandangan al-Faruqi sehinggakan ia dijadikan judul bukunya. Konsep tauhid bukan sahaja menjadi asas kepada pemikiran Islam al-Faruqi, malah beliau telah berusaha untuk mengintegrasikan prinsip tauhid dengan ilmu-ilmu duniawi seperti politik, ekonomi, sosial, kemasyarakatan, sejarah, metafizik, etika, estetika (al-Faruqi, 1992) dan hubungan Islam dengan agama-agama lain (al-Faruqi, 1998). Dengan kata lain, beliau menjadikan tamadun dan kebudayaan Islam bermula dengan konsep tauhid. Oleh kerana itu, ada penulis yang mengatakan bahawa al-Faruqi hanya menekankan aspek tauhid yang berkaitan dengan dunia dan manusia sahaja, tetapi tidak ketuhanan (Johan Hendrik Meuleman, 2003). Bagaimanapun, pandangan ini agak keterlaluan kerana al-Faruqi menekankan kedua-dua aspek tersebut dan bukan salah satu aspek sahaja.

Al-Faruqi melihat konsep tauhid telah memberikan satu identiti khusus kepada tamadun Islam di mana tauhid

telah mengikat segala unsur-unsur yang berbeza yang membentuk tamadun dan menjadikannya satu kesatuan yang padu dan utuh dan tidak mungkin dapat dipisahkan lagi. Dalam usaha tersebut, tauhid telah bertindak mencerna unsur-unsur tersebut dengan cernaannya yang tersendiri sehingga membentuk satu tamadun yang memiliki karakter yang baru dan tersendiri (al-Faruqi, 1992).

Tauhid perlu sentiasa ‘dihidupkan’ dalam kehidupan umat Islam sebagai asas pemikiran dan peradaban Islam bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa yang amat mencabar terutamanya yang berkaitan dengan akidah. Tauhid mencorakkan rupa dan wajah tamadun Islam dengan cara menyatukan kesemua ciri-cirinya yang berbeza dengan tauhid dan menjadikannya satu kesatuan yang dipanggil tamadun. Ia membentuknya semula agar selari dan saling bantu-membantu antara satu sama lain tanpa perlu mengubah sifat-sifat semulajadinya. Tauhid merubah ciri-ciri yang membentuk tamadun dengan menjadikannya satu wajah baru yang merangkumi erti dan makna tamadun yang sebenar. (al-Faruqi, 1992). Maksud al-Faruqi di sini ialah Islam sebagai *al-Din* yang memiliki beberapa ciri antaranya ‘tetap dan anjal’ bersedia menerima kemasukan tamadun-tamadun lain samada Barat mahupun Timur tetapi ia disaring dan ditapis dengan teliti agar nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam sahaja yang diterima pakai manakala yang bertentangan dengannya ditolak. Selanjutnya, ciri-ciri yang berbeza bagi setiap tamadun itu disuntik dan digabungjalin dengan ciri-ciri keislaman lalu membentuk tamadun baru yang selaras dengan Islam. Itulah keistimewaan Islam di mana walaupun Ia tetap di atas prinsipnya tetapi Ia masih terbuka. Barangkali inilah di antara ciri-ciri yang menjadi salah satu faktor kemasukan penganut agama lain ke dalam agama Islam. Mereka masih dibenarkan untuk mengekalkan dan menggunakan warisan atau tradisi agama lama mereka seperti nama, bahasa, pakaian, perhiasan dan sebagainya tetapi dengan syarat diberi penambahbaikan agar ia selari dengan akidah, syariat mahupun akhlak Islam.

Melalui tauhid juga, al-Faruqi dengan seluruh keupayaannya telah melakukan suatu anjakan paradigma bagi mengubah individu dan ummah supaya menghayati Islam dan berusaha membebaskan ummah

dari kemunduran, kejumudan, kebejatan sosial, kehilangan kuasa politik dan ekonomi. Berdasarkan pengamatan dan analisis al-Faruqi, semua permasalahan ummah bermula apabila terpisahnya pemikiran, tamadun dan kebudayaan ummah dari konsep tauhid. Atas kesedaran itulah, al-Faruqi menggagas konsep tauhidnya dan mengajak ummah untuk kembali menghayati tauhid sebagai *turning point* untuk membangun kembali pemikiran, kebudayaan dan tamadun ummah. Hal ini selari dengan apa yang disebutkan oleh pakar Ekonomi Islam India, Muhammad Nejatullah Siddiqui (1931-)³:

³ Beliau merupakan ahli ekonomi terkenal India dan pemenang Hadiah Antarabangsa Raja Faisal dalam bidang Pengajian Islam. Beliau telah berkhidmat sebagai Profesor Madya dalam bidang Ekonomi, Profesor Pengajian Islam di Universiti Aligarh, India dan Profesor Ekonomi di Pusat Penyelidikan Ekonomi Islam, Universiti Raja Abdul Aziz, Jeddah. Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Felo di Pusat Kajian Timur Dekat (*Center for Near Eastern Studies*), Universiti California, Los Angeles dan selepas itu diangkat sebagai Sarjana Pelawat di Institut Latihan dan Penyelidikan Islam, Bank Pembangunan Islam, Jeddah. Di atas jasa dan sumbangannya terhadap Ekonomi Islam, beliau telah dianugerahkan *Shah Waliullah Award* di New Delhi (2003). Penulis yang prolific tentang *Adab Islami* yang ditulis dalam bahasa Urdu (1960), *Muslim Personal Law* (1971) dan *Islamic Movement in Modern Times* (1995). Siddiqui juga telah menterjemahkan kitab *al-Kharaj* karangan Abu Yusuf (1966). Karya-karya utama beliau dalam Perbankan Islam ditulis dalam bahasa Inggeris seperti *Islam's View on Property* (1969); *Recent Theories of Profit: A Critical Examination* (1971); *Economic Enterprise in Islam* (1972); *Muslim Economic Thinking* (1981); *Banking Without Interest* (1983); *Insurance in an Islamic Economy* (1985); *Teaching Economics in Islamic Perspective* (1996); *Role of State in Islamic Economy* (1996) dan *Dialogue in Islamic Economics* (2002). Beberapa karya ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, Parsi, Turki, Indonesia, Malaysia dan sebagainya (Lihat http://en.wikipedia.org/wiki/Mohammad_Najatuallah_Siddiqui, Diakses pada 28 Mac 2012). Beliau juga pernah menulis satu artikel tentang tauhid bertajuk “Tauhid: Konsep dan Proses” dalam Afzalur Rahman (1995). *Muhammad SAW Encyclopaedia of Seerah*. Syed Putra Syed Ahmad *et al.* (Terj.), Jil. VII, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 901-919. Keterangan ringkas ini pada pandangan penulis sudah

The cause of Muslim loss of political power, economic, backwardness, intellectual stagnation and social degeneration because to be lapse from tawhid. If a person is in search of a blueprint for Islamic reconstruction and wants to elaborate the process through which muslims can once again occupy their rightful place in the world, he will also find in tawhid the principle answer (Siddiqi, 1979).

Menurut al-Faruqi, kalimah *La Ilaha illa Allah* mempunyai tiga maksud (al-Faruqi, 1992):

Pertama; penciptaan makhluk merupakan satu pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh Allah. Setiap ciri-ciri ciptaan-Nya adalah mulia secara semula jadi, terbaik, tiada cacat cela dan sempurna. Firman-Nya yang bermaksud:

“Dia yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal dari tanah”. (al-Sajadah 32: 7).

Kedua; manusia mampu menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi dan tidak berada dalam keadaan yang sukar selama-lamanya. Perjalanan hidup manusia penuh dengan cabaran dan rintangan tetapi manusia mampu menghadapinya dengan pertolongan Allah SWT. Justeru itu, manusia tidak memerlukan seorang ‘penyelamat’ untuk membantunya tetapi hanya perlu mengabdikan diri kepada Penciptanya dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Ketiga; segala kebaikan yang diperolehi merupakan ketentuan Allah SWT. Oleh kerana itu, sepatutnya tidak timbul soal diskriminasi atau pilih kasih di antara sesama manusia kerana kedatangan Islam itu sendiri adalah untuk membebaskan mereka dari sistem-sistem ciptaan manusia yang melabelkan manusia kepada kasta-kasta tertentu seperti dalam agama Hindu, Buddha dan sebagainya. Ia juga menolak fahaman-

cukup untuk menyerlahkan kehebatan Muhammad Nejatullah Siddiqi sebagai ilmuwan Islam tersohor setanding dengan ilmuwan-ilmuan Islam yang lain.

fahaman yang menyamakan Allah SWT dengan makhluk.

3. Pembahagian Tauhid Menurut al-Faruqi

Al-Faruqi mengemukakan konsep tauhid beliau dalam spektrum yang luas merangkumi sejarah, perbandingan agama, falsafah, etika, epistemologi, antropologi dan lain-lain. Beliau menyusun spektrum tauhid tersebut kepada tiga perbahasan yang komprehensif iaitu:

Pertama; Tauhid sebagai pengalaman keagamaan. Dalam perbahasan ini, al-Faruqi menerangkan bahawa pengalaman keagamaan bagi orang Islam ialah tauhid itu sendiri iaitu pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad SAW pesuruh Allah. Ia mengisi tempat utama di dalam kehidupan, tindakan dan pemikiran setiap Muslim (al-Faruqi, 1992).

Kedua; Tauhid sebagai *worldview* yang merangkumi pandangan umum terhadap realiti, kebenaran, dunia, tempat, masa dan sejarah. Tauhid ini mengandungi lima prinsip yang utama iaitu prinsip dualiti, ideasionaliti, teleologi, kemampuan manusia dan pembentukan alam semula jadi serta tanggungjawab dan pengadilan.

Ketiga; Tauhid sebagai intisari tamadun. Tauhid sebagai intisari tamadun mempunyai dua aspek iaitu aspek kaedah dan aspek kandungan. Aspek kaedah mengandungi tiga prinsip perbahasan iaitu ummatisme, rasionalisme dan toleransi manakala dalam aspek kandungan pula terdapat lima prinsip perbahasan yang amat luas dan komprehensif iaitu tauhid sebagai prinsip utama metafizik, etika, kepercayaan, kemasyarakatan dan estetika (al-Faruqi, 1986).

Oleh kerana konsep tauhid al-Faruqi merangkumi spektrum yang luas, maka kertas ini hanya akan membincangkan prinsip tauhid ideasional yang terkandung dalam bahagian kedua iaitu tauhid sebagai *worldview* dan peranannya dalam hubungan antara Islam dan agama-agama lain.

4. Pengertian Tauhid Ideasional

Menurut al-Faruqi, tauhid ideasional ialah hubungan antara manusia dan Tuhan adalah berlandaskan kepada kaedah pemikiran (al-Faruqi, 1992). Bagi manusia,

petunjuknya ialah cara pemahaman. Sebagai salah satu deria untuk mencari ilmu pengetahuan, pemahaman ini termasuklah fungsi-fungsi gnoseologi seperti ingatan, khayalan, ta'akulan, pemerhatian, gerak hati, kebimbangan dan lain-lain. Semua manusia dikurniakan sifat pemahaman ini. Kurniaan ini cukup untuk manusia memahami ketetapan dan kekuasaan Allah dengan dua cara berikut (al-Faruqi, 1986):

Pertama; apabila ketetapan itu dilafazkan dalam bentuk perkataan secara langsung daripada Allah SWT kepada manusia (melalui al-Quran).

Kedua; ketetapan Allah SWT boleh difahami melalui pemerhatian terhadap alam ciptaan-Nya.

Jika diperhatikan pengertian prinsip tauhid ini iaitu 'hubungan antara manusia dan Tuhan', maka tauhid ini bermaksud menggabungkan kelebihan akal yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia dengan wahyu yang disampaikan kepada nabi dan rasul '*alayhim al-Solat wa al-Salam* untuk membentuk prinsip tauhid ini.

5. Analisis Hubungan Islam dengan Agama-agama Lain Menurut al-Faruqi

Menurut al-Faruqi, Islam merupakan agama samawi yang paling terkemudian berbanding dengan agama-agama samawi yang lain (al-Faruqi, 1998). Bagaimanapun, ianya unik kerana mempunyai hubungan dengan hampir kesemua agama di dunia ini. Hubungan Islam dengan agama-agama lain di dunia ini sebenarnya telah wujud atau berlaku semenjak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Baginda telah mengasaskan hubungan antara Islam dengan agama-agama lain dengan begitu cemerlang sekali. Ia wujud bukan sahaja dalam bentuk teori (ideasional) tetapi juga praktikal.

Berdasarkan hubungan di atas, al-Faruqi menegaskan bahawa hubungan Islam dengan agama-agama tersebut di atas telah berlangsung sejajar dengan usia agama Islam itu sendiri. Al-Faruqi menolak dakwaan Joachim Wach (1898-1955), ahli sosiologi agama Jerman yang menyatakan bahawa ilmu perbandingan agama telah dimulakan oleh Max Muller (1823-1900) lebih kurang satu abad yang lalu hasil daripada proses *Enlightenment* Eropah pada kurun ke-

19M (Joachim Wach, 1958). Dakwaan tersebut pada pandangan al-Faruqi adalah satu pembohongan fakta sejarah, kerana umat Islam telah mendahului Barat dalam pencapaiannya tentang ilmu perbandingan agama. Hubungan Islam dengan agama-agama lain telah terbukti dalam sejarah kegemilangan tamadun Islam di Madinah, Damsyik, Cordova, Kaherah, Delhi, Istanbul dan lain-lain (al-Faruqi, 1998).

Menurut al-Faruqi, hubungan Islam dengan agama-agama lain boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; Pertama; Hubungan antara Islam dengan agama Yahudi, Kristian dan Sabi'in. Hubungan ini telah diceritakan oleh Allah SWT dan dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW. Kedua; Hubungan antara Islam dengan agama Zoroaster (Majusi) telah dilaksanakan oleh para sahabat Nabi SAW tiga tahun selepas kewafatan baginda SAW melalui penaklukan Parsi. Ketiga; Hubungan antara Islam dengan agama Hindu dan Buddha berlaku selepas penaklukan Lembah Indus pada tahun 711M. Menurut al-Faruqi, hubungan Islam dengan kesemua agama di atas dapat difahami secara ideasional iaitu dengan menghubungkan pandangan Islam terhadap agama lain dari segi kehidupan, Tuhan, realiti, manusia, dunia dan sejarah (*Ibid.*). Hubungan ini juga tergambar dengan jelas dari sudut praktikal, dimana Islam telah melaluinya secara langsung melalui persefahaman (*modus vivendi*) dengan penganut agama lain dalam sejarah perkembangannya selama 14 abad.

5.1. Hubungan Secara Ideasional

Dalam menjelaskan hubungan Islam dengan agama-agama tersebut di atas, al-Faruqi telah mengagaskan beberapa konsep dalam tauhid ideasional tersebut iaitu *Meta-religion*, Fenomena Kenabian dan *Din al-Fitrah*.

5.1.1 Konsep *Meta-religion*

Menurut al-Faruqi, Islam meletakkan kedudukan agama Yahudi dan Kristian pada tempat yang istimewa kerana ia mempunyai hubungan yang erat dengan Islam. Al-Quran telah menggambarkan hubungan ini melalui ayat-ayat yang menceritakan tentang kisah Nabi Musa dan Isa (a.s) dengan kitab masing-masing. Islam meneruskan tradisi agama yang dibawa oleh nabi dan rasul terdahulu. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah satu; dan kepada-Nyalah, kami patuh dengan berserah diri." (al-‘Ankabut 29: 46).

Pengiktirafan al-Faruqi terhadap agama Yahudi dan Kristian di atas adalah salah satu dari kaedah yang digunakan oleh beliau dalam berdakwah melalui dialog antara agama (*inter-religious faith dialogue*).

Dalam hal ini, al-Faruqi telah memperkenalkan konsep *Meta-religion*⁴ sebagai metodologi dalam dialog dengan agama-agama lain. Antara ciri-ciri *Meta-religion* ialah tidak boleh menghina mana-mana agama. Menurut beliau, Islam menganggap setiap agama adalah agama yang diwahyukan sehinggalah terdapat bukti-bukti sejarah yang tidak meragukan bahawa terdapat elemen-elemen dalam agama tersebut yang direka oleh manusia sendiri (al-Faruqi, 1986a; Haslina, 2005). Tujuannya ialah supaya pemuka-pemuka agama lain menyahut seruan beliau untuk berdialog. Jika pada peringkat permulaan lagi seseorang itu telah melabelkan agama lain sebagai salah dan tidak benar, maka persoalan yang timbul ialah apakah mereka

⁴ Perkataan “meta” berasal dari perkataan Greek yang bererti selepas. Apabila ia dihubungkan dengan perkataan *religion*, maka ia bererti “selepas agama”. Oleh itu, *Meta-religion* bermakna sesuatu yang datang selepas agama. Secara khususnya, *Meta-religion* ialah sekumpulan garis panduan dan prinsip-prinsip yang melampaui batas dan sempadan semua agama, berasaskan prinsip “bebas akidah” (*theologically-free*) di dalam kajian agama. Ia merupakan suatu pendekatan yang digunakan al-Faruqi dalam dialog antara agama bagi mencari persefahaman agama. Matlamat akhir daripada *Meta-religion* ialah bagi mencapai *din al-fitrah* yang merupakan agama yang melampaui semua agama ciptaan manusia.

akan menyahut seruan untuk berdialog? Al-Faruqi berpegang kepada prinsip bahawa kebenaran Islam akan terserlah meskipun menggunakan hujah akal kerana akal manusia itu tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah.

Pendekatan al-Faruqi selari dengan anjuran al-Quran supaya menyeru manusia ke jalan Allah dengan bijaksana, peringatan yang baik dan berdebatlah dengan cara yang terbaik (al-Nahl 16: 125, al-‘Ankabut 29: 46). Jika dengan kaedah seperti ini pun mereka masih lagi tidak menerima dakwah tersebut, maka al-Quran memerintahkan pendakwah untuk membiarkan mereka dengan agama mereka (Ali ‘Imran 3: 20 dan 64). Al-Faruqi menggunakan kaedah “*let the best argument win*” (biarkan hujah yang terbaik menang) dalam dakwahnya (al-Faruqi, 1998). Oleh kerana itu, beliau berani berdialog dengan mana-mana tokoh agama lain kerana beliau meyakini bahawa Islam merupakan agama yang berdasarkan logik akal dan sesuai dengan fitrah manusia kerana ia merupakan agama yang diiktiraf di sisi Allah SWT (Ali ‘Imran 3: 19).

5.1.2 Fenomena Kenabian (*The Common Phenomenon of Prophecy*)

Menurut al-Faruqi, Islam mengajarkan bahawa fenomena kenabian adalah perkara yang universal yang berlaku pada setiap zaman dan tempat. Antara ayat al-Quran yang membicarakan soal ini ialah seperti firman Allah SWT:

Maksudnya: “... dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapaupun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah)” (Al-Isra’ 17: 15).

Dalam hal ini al-Faruqi menegaskan bahawa Allah SWT tidak akan membebaskan sesuatu tanggungjawab atau *taklif* kepada manusia kecuali Dia telah menyampaikan dan menyebarkan syariat-Nya melalui para nabi dan rasul-Nya. Penyampaian dan penyebaran tersebut merupakan fenomena kenabian. Semua manusia dahulu dan sekarang memikul tanggungjawab, mendapat kebahagiaan dan kecelakaan kerana fenomena kenabian itu bersifat universal. Persoalan yang timbul di sini ialah kenapakah wujud pelbagai agama di dunia ini sedangkan para nabi menyampaikan

risalah yang satu sebagaimana yang difahami oleh Islam? Menurut al-Faruqi, dalam hal ini, Islam menyediakan jawapannya secara teori dan praktikal.

Secara teorinya, ia disebabkan oleh faktor ketuhanan. Islam percaya bahawa mesej para nabi dan rasul adalah satu yang terdiri dari dua elemen; pertama, tauhid dan kedua, moral atau akhlak (melakukan segala kebaikan dan meninggalkan segala keburukan). Allah SWT dengan rahmat-Nya mengambil kira keadaan khusus bagi setiap manusia. Dia menurunkan kepada manusia semua ajaran yang sama tetapi Dia menyampaikan syariat-Nya kepada manusia dalam bentuk yang tertentu sesuai dengan keadaan mereka secara khusus. Jadi, daripada sudut akidah, semua rasul menyampaikan ajaran tauhid yang sama cuma yang berbeza hanyalah daripada sudut syariatnya.

Secara praktikal, faktor kemanusiaan. Tabiat manusia ialah suka mengikut hawa nafsu. Ia mendorong manusia melakukan kejahatan dan melanggar perintah Tuhan. Ada golongan yang merasa selamat berada bersama dengan golongan yang melanggar perintah Tuhan. Oleh yang demikian kepelbagaian agama yang berlaku adalah hasil dari tabiat sebagai manusia itu sendiri. Dalam hal ini al-Faruqi menyenaraikan lima contoh bagi menguatkan kenyataan tersebut iaitu Pertama; wahyu secara praktikalnya memerintahkan golongan kaya membantu golongan miskin tetapi kenyataannya ada golongan kaya yang tidak bersetuju dengan arahan ini. Kedua; wahyu sentiasa menggalakkan kehidupan sosial yang teratur. Ia menasihati manusia supaya patuh kepada undang-undang dan disiplin diri. Tetapi terdapat segolongan pemimpin dan raja yang mahu mengikut jalan mereka sendiri. Ketiga; wahyu sentiasa mengingatkan manusia supaya mengukur dirinya sendiri berdasarkan ukuran Tuhan bukan dengan ukuran dirinya sendiri. Keempat; wahyu menyuruh manusia supaya mendisiplinkan naluri dan emosi mereka supaya sentiasa terkawal. Walau bagaimanapun, manusia cenderung untuk mengikut hawa nafsunya. Perasaan untuk berseronok memenuhi hawa nafsu menjadi lambang kehidupan manusia. Biasanya, kecenderungan ini bercanggah dengan wahyu. Kelima; apabila kandungan wahyu dipindahkan dari satu generasi ke generasi yang lain, ajaran Tuhan akan terhakis sedikit demi sedikit. Akhirnya apabila wahyu Tuhan merentasi batasan bahasa, etnik dan tradisi, keadaan ini boleh

membawa kepada penyelewengan terhadap wahyu yang asal.

Berdasarkan kelima-lima faktor di atas, al-Faruqi menegaskan bahawa tabiat manusia itu sendirilah yang mencetuskan kepelbagaian agama yang menyeleweng dari agama asal iaitu Islam. Kerana itu, Allah SWT mengulangi fenomena kenabian dengan mengutus para nabi untuk menyampaikan semula kandungan wahyu ini di samping menanamkannya semula ke dalam pemikiran dan hati manusia. Fenomena ini telah sempurna dan lengkap serta berakhir dengan perutusan Nabi Muhammad SAW. Turunnya wahyu ke dalam sejarah manusia merupakan suatu rahmat dan Allah Maha Mengetahui hikmat di sebalik perutusan Muhammad SAW pada tempat tertentu dan masa tertentu. Firman-Nya bermaksud:

“Dan apabila datang kepada mereka sesuatu keterangan, mereka berkata: "Kami tidak akan beriman sehingga kami juga diberi (wahyu) sama seperti yang telah diberikan kepada pesuruh-pesuruh Allah". Allah lebih mengetahui di mana (dan kepada siapakah yang sepatutnya) ia berikan jawatan rasul (dan wahyu) yang diberikan-Nya itu. Orang-orang yang melakukan perbuatan yang salah itu akan ditimpa kehinaan di sisi Allah, dan azab seksa yang amat berat, disebabkan perbuatan tipu daya yang mereka lakukan”. (Al-An‘am 6: 124).

5.1.3 Konsep *Din al-Fitrah*

*Din al-fitrah*⁵ membawa maksud agama semula jadi ciptaan Allah. Amalan beragama manusia yang paling

⁵ Terminologi *din al-fitrah* merupakan gabungan dua perkataan iaitu *din* dan *al-fitrah*. Perkataan *din* berasal dari kata kerja *dana*, ertinya menganut atau memeluk (sesuatu agama, keyakinan dan sebagainya). Apabila dikatakan seseorang itu *dana bi al-Islam*, ertinya dia menganut atau memeluk agama Islam. Jadi erti *din* ialah agama, pegangan, keyakinan, keimanan atau kepercayaan (Wehr, 1976). Manakala perkataan *fitrah* pula berasal dari perkataan *fatara* yang bererti mencipta dan membuat atau memecah, membelah atau merekah (Mohd Khairi Zainuddin *et al.*, 2008). Jadi istilah *fitrah*

awal ialah menyembah Allah SWT. Hal ini berdasarkan ayat al-Quran dalam surah al-A'raf ayat 172 bahawa setelah roh manusia diciptakan, ia membuat suatu perjanjian dengan Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

Maksudnya: "Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

Perjanjian di atas membawa maksud tunduk kepada Allah SWT. Tetapi yang lebih asas daripada ketundukan itu ialah rasa terhutang budi dan jiwa manusia kerana diciptakan oleh Allah SWT daripada tiada kepada ada. Maka dengan sebab itu, salah satu makna dasar kata *din* ialah berada dalam keadaan terhutang. Maka satu-satunya cara untuk membayar hutangnya kepada Allah ialah dengan mengembalikan dirinya kepada Allah SWT (Al-Attas, 1978).

Dalam hal ini, al-Faruqi menjelaskan bahawa kedudukan orang bukan Islam dibahagikan kepada tiga tahap, pertama; kemanusiaan (*humanism*). Pada tahap inilah, al-Faruqi memperkenalkan konsep *din al-fitrah* atau agama fitrah ini iaitu semua manusia dijadikan oleh Allah SWT dan telah dibekalkan keupayaan untuk mengenali-Nya serta beribadah kepada-Nya. Konsep agama fitrah ini bermaksud semua manusia pada asal kejadiannya dilahirkan secara semulajadinya sebagai Muslim. Hujah al-Faruqi ialah hadis Rasulullah SAW

yang dikehendaki di sini ialah ciptaan, sifat semula jadi, bakat, pembawaan, karakter dalaman dan naluri. Jika perkataan *fitrah* ini digabungkan dengan nama Tuhan iaitu Allah maka ia menjadi *fitratullah* yang bermaksud kejadian yang termeterai dalam ketetapan Allah (Noesah Baharom *et al.*, 1998).

(*kullu mawludin yuladu 'ala al-fitrah ...* hadis riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurayrah) (Bukhari, t.t). Walau bagaimanapun, *din al-fitrah* ini tidak terhenti di situ sahaja kerana pada perkembangannya manusia akan melalui proses kematangan dan diberi akal fikiran untuk membezakan yang benar dan salah, yang baik dan buruk. Dengan rahmat Allah SWT juga, Dia mengutuskan para nabi dan rasul atau dinyatakan oleh al-Faruqi sebagai konsep kesejagatan wahyu (*revelational universalism*) iaitu setiap bangsa telah diutuskan rasul kepada mereka yang membawa mesej yang sama iaitu tiada Tuhan melainkan Allah dan semua manusia mesti tunduk sujud kepada-Nya (an-Nahl 16: 36, Fatir 35: 24).

Pada tahap ketiga; wahyu sejarah (*historical revelation*) iaitu Islam mengakui bahawa ia mempunyai pertalian sejarah dengan agama Yahudi dan Kristian serta mengiktiraf Nabi Musa (a.s) dan Isa (a.s) sebagai nabi dan juga rasul bagi umat Islam. Islam mengajar penganutnya supaya menghormati nama mereka. Mereka merupakan satu jambatan yang besar bagi manusia untuk keharmonian antara agama. Apabila Islam menerima kedua-duanya sebagai nabi dan rasul dalam Islam, ia dapat mengecilkan jurang perbezaan antara orang Islam, Yahudi dan Kristian dengan menjadikan perbezaan itu hanya berbentuk dalaman sahaja. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang hampir sekali kepada Nabi Ibrahim (dan berhak mewarisi agamanya) ialah orang-orang yang mengikutinya dan juga Nabi (Muhammad) ini serta orang-orang yang beriman (umatnya – umat Islam)". (Ali 'Imran 3: 68).

5.2 Hubungan Secara Praktikal

Menurut al-Faruqi, perhubungan orang Islam dengan bukan Islam secara praktikalnya telah bermula semenjak zaman Nabi Muhammad SAW lagi dan diteruskan pada zaman Khulafa' al-Rasyidin. Baginda SAW telah mendokumen dan melaksanakan Piagam Madinah yang merupakan satu-satunya perlembagaan bertulis pertama di dunia. Baginda telah mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar serta menyatukan seluruh penduduknya termasuk dari

kalangan Yahudi dan Kristian. Peristiwa ini menjadi titik tolak kepada hubungan Islam dengan agama lain (al-Faruqi, 1998).

5.2.1 Masyarakat Yahudi

Orang Yahudi bangsa Aus dan Khazraj di Madinah diberi kuasa autonomi untuk melaksanakan syariat mereka. Mereka juga berhak untuk meminta pertolongan daripada bangsa Arab. Mereka digabungkan dengan umat Islam dan Kristian di bawah satu pertubuhan yang dikenali sebagai '*al-Ummah*' atau '*al-Dawlah al-Islamiyyah*'. Status mereka dinaikkan dari hanya diberikan perlindungan kaum kepada kerakyatan sebuah negara (al-Faruqi, 1998). Jelas, begitu istimewa Islam melayan golongan bukan Islam khususnya Yahudi dalam sebuah negara Islam.

5.2.2 Masyarakat Kristian

Dalam kebanyakan hal, majoriti rakyat negara Islam ialah orang Kristian yang menikmati penghormatan, kebebasan dan memiliki maruah yang tidak dinikmati sama ada di bawah pemerintahan Kristian Rom atau Byzantine. Kedua-dua kuasa ini adalah kuasa monarki dan menindas rakyat apabila mereka menakluki sesebuah negara di Timur Tengah. Penganut Kristian hidup dalam keadaan aman dan maju di bawah kekuasaan Islam selama berabad-abad lamanya. Sekiranya penganut Kristian itu dianggap sebahagian daripada sentimen Islam, sudah tentu mereka telah dibunuh. Begitu juga dengan apa yang berlaku di Abyssinia (Ethopia), sebuah negara jiran Kristian yang memberi perlindungan kepada orang Islam pertama yang berhijrah daripada siksaan penduduk Mekah (al-Faruqi, 1998).

5.2.3 Penganut Agama Lain

Menurut al-Faruqi, keadaan di Negara Islam Madinah sarat dengan penghormatan dan memuliakan agama lain, ketaqwaan dan kebaikan bukan seperti toleransi di zaman moden di Barat yang melahirkan perasaan curiga mencurigai antara sesama penganut agama. Nabi Muhammad SAW sendiri menganggap pengikut Zoroaster (Majusi) sebagai satu lagi umat di dalam negara Islam pada 'Tahun Perwakilan' (8-9H/630-

631M), iaitu tahun yang menyaksikan beberapa puak dan kawasan di Tanah Arab menghantar perutusan ke Madinah untuk menyatakan kesetiaan kepada Negara Islam. Hukum syarak dikenali sebagai sistem *millah* (kumpulan beragama) atau sistem *dhimmah* (perjanjian keamanan di mana penjaminnya ialah Allah). (al-Faruqi, 1998).

Orang Islam menghadapi beberapa agama baru yang tidak dikenali sebelumnya seperti Hindu dan Buddha berikutan penaklukan India oleh Muhammad bin Qasim pada tahun 91H/711M. Muhammad bin Qasim menggunakan tunjuk ajar daripada khalifah di Damsyik mengenai layanan terhadap orang Hindu dan Buddha yang menyembah berhala dan jauh terpesong dari Islam. Khalifah mengadakan satu persidangan ulama dan keputusannya ialah selagi mereka tidak memusuhi Negara Islam, membayar *jizyah* atau cukai yang dikenakan, mereka 'bebas menyembah Tuhan' mereka dan menjalankan kehidupan berasaskan kepercayaan mereka. Mereka mendapat hak yang sama seperti orang Yahudi dan Kristian (al-Faruqi, 1998).

Tidak ada agama lain atau sistem masyarakat yang pernah menganggap golongan minoriti agama dengan pandangan yang lebih baik atau melayan mereka dengan adil tanpa melakukan kezaliman selain daripada Islam. Islam berjaya dalam semua perkara yang agama lain gagal melakukannya kerana keunikan akidahnya yang menganggap kebenaran adalah satu dan satu-satunya agama Tuhan yang semula jadi di dalam diri setiap manusia. (al-Faruqi, 1998).

Negara Islam merupakan suatu sistem dunia yang wujud secara aman bersamanya pelbagai kumpulan agama dalam negara atau melintasi sempadan negara. Ia adalah satu *Pax Islamica* yang sejagat yang mengiktiraf kesahihan setiap kumpulan beragama dan memberikan hak untuk menyusun kehidupan berdasarkan kebijaksanaan agama mereka sendiri. Ia lebih tinggi daripada Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kerana ia mengambil asas identiti agama dan bukannya bangsa. Perlembagaannya ialah undang-undang Tuhan yang sah untuk semua (al-Faruqi, 1998).

6. Kesimpulan

Prinsip tauhid ideasional al-Faruqi memainkan peranan yang amat penting di dalam mengharmonikan

perhubungan antara Islam dan agama-agama lain. Ia dinamakan dengan 'Tauhid Ideasional' kerana ia berasaskan kepada pemikiran yang dipandu oleh wahyu Ilahi. Pandangan Islam terhadap agama lain adalah berdasarkan pengalaman selama 14 abad yang telah diteladankan oleh Nabi Muhammad SAW dan orang-orang Islam selepasnya. Dalam hal ini, al-Faruqi telah mengemukakan beberapa konsep dalam Islam yang mengiktiraf kewujudan agama lain antaranya ialah konsep *Meta-religion*, *din al-fitrah* dan *The Common Phenomenon of Prophecy*.

Dalam konsep *Meta-religion*, beliau menganggap setiap agama adalah agama yang diwahyukan sehinggalah terdapat bukti-bukti sejarah yang tidak meragukan bahawa terdapat elemen-elemen dalam agama tersebut yang direka oleh manusia. Pengiktirafan ini bertujuan untuk mencapai keharmonian dalam dialog antara agama. Walaupun pada permulaannya konsep ini dilihat seolah-olah berbaur pluralisme agama atau menyamaratakan semua agama tetapi al-Faruqi berkeyakinan penuh bahawa pada akhirnya hujah Islam akan mengatasi seluruh hujah agama lain dan pada tahap akhirnya akan membuktikan kebenaran Islam itu sendiri.

Dalam konsep *Din al-Fitrah*, al-Faruqi menegaskan bahawa Islam mempunyai asas yang kukuh dalam dialog antara agama kerana Islam mengiktiraf kesucian semua manusia. Setiap manusia tanpa mengira apa jenis agama yang dianuti atau tempat dilahirkan memiliki agama asal ini iaitu pengakuan tentang keesaan-Nya dan ia merupakan kemuncak kebahagiaan. Al-Faruqi melihat kepelbagaian agama bukan halangan untuk manusia hidup rukun dan damai. Hakikatnya, Islam menurut al-Faruqi telah memainkan peranan yang amat berkesan dalam menjalinkan hubungan dengan agama-agama lain. Islam telah terlebih dahulu mendahului Barat dalam hal ini bukan sahaja daripada sudut teorinya bahkan dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW semasa baginda mengetuai pemerintahan Negara Islam di Madinah. Ia menjadi lambang sebuah pemerintahan yang adil tanpa mengira agama dan warna kulit.

Manakala dalam konsep *The Common Phenomenon of Prophecy* pula, al-Faruqi berpandangan bahawa fenomena kenabian merupakan perkara universal yang

berlaku pada setiap zaman dan tempat sehinggalah ia diakhiri dengan perutusan Nabi Muhammad SAW. Tauhid ideasional mengajarkan bahawa nabi-nabi dan rasul-rasul umat terdahulu juga merupakan nabi dan rasul bagi umat Islam yang wajib diimani kerana ia merupakan salah satu Rukun Iman. Ini menunjukkan betapa eratnya hubungan Islam dengan agama-agama lain terutamanya Yahudi dan Kristian.

Usaha yang dilakukan al-Faruqi amat bertepatan dengan anjuran al-Quran supaya manusia menganjurkan perdamaian sesama mereka kerana ia melahirkan kerukunan dalam hidup. Antara kaedah yang dilakukannya ialah dengan mengadakan dialog antara penganut-penganut agama ke arah mencapai titik persamaan (*kalimah sawa'*). Prinsip yang dipegang al-Faruqi dalam dialog ialah 'biarkan hujah yang terbaik menang' menunjukkan bahawa al-Faruqi menggunakan metode akal tanpa mengesampingkan wahyu kerana Islam adalah berasaskan wahyu dan akal.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Al-Hadith al-Sharif.

Abdullah Basmeih, Sheikh. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Abdul Halim Ramli (2002). *Pemikir Islam Prof Ismail Ragi al-Faruqi*. Segamat: Gubah Publisher.

_____. (2007). *Memahami Islamisasi Ilmu dari Pemikiran al-Faruqi*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.

Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka) (1984). *Tafsir al-Azhar*, juz. 3, Jakarta: Yayasan Nurul Islam.

Al-Attas, S.M.N. (1978), *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Al-Faruqi, Ismail R. (1968). *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: McGill University Press and Amsterdam: Djambatan.

- _____. (1992). *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. 2nd ed. Herndon: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- _____ & Lois L. (1986). *The Cultural Atlas of Islam*. New York: The Macmillan.
- _____. (1986). 'Meta-Religion: Towards A Critical World Theology', dlm *American Journal of Islamic Social Sciences*, vol. 3, no. 1, Herndon: IIIT.
- _____. (1990). "The First Principles of Islamic Methodology", dlm *Islamic Thought and Scientific Creativity, A Comstech Quarterly Journal*. jil. 1, no. 1, Jan-March.
- _____. (1998). *Islam and Other Faiths*. Ataulah Siddiqui (ed.). Leicester: The Islamic Foundation & Herndon: IIIT.
- Anis Malik Thoha. (2005). *Tren Pluralisme Agama: Tinjauan Kritis*. Jakarta: Perspektif Gema Insani.
- Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il (t.t). *Sahih Bukhari*, Kitab al-Jana'iz, Bab Idha aslama al-sabiyy fa mata hal yusalla 'layhi wa hal yu'rada 'ala al-sabiyy al-Islamu, juz. 1, Beirut: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Haslina Ibrahim (2005). *Diversity of Religions: An Assessment of the Christian and Muslim Encounters with the Philosophy of Religious Pluralism*. Tesis Ph.D, Gombak: Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia (IIUM).
- Hick, J. (1985). *Problems of Religious Pluralism*. London: Macmillan.
- Johan Hendrik Meuleman (2003). "Pergolakan Pemikiran Keagamaan" dlm *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam*. Taufik Abdullah *et al.* (ed.), cet. ke-2, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 119-135.
- Mohd Khairi Zainuddin *et al.* (2008). *Kamus Al-Miftah*. Cet. ke-2, Kuala Pilah: Al Azhar Media Enterprise.
- Noresah Baharom *et al.* (1998). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutb, Sayyid (1980). *Fi Zilal al-Quran*, jil. 1, juz. 3, Beirut: Dar al-Syuruq.
- Smith, W. C. (1952). *The Meaning and End of Religion*. New York: The Macmillan Co.
- Siddiqi, M.N. (1979). *Islamic Perspective*. London: The Islamic Foundation.
- Wach, J. (1958). *The Comparative Study of Religion*. M. Kitagawa (ed.), Columbia: University Press.
- Wehr, Hans (1976). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. J. Milton Cowan (ed.), 3rd Edition, New York: Spoken Language Services, Inc.